

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	26 MAY 2016

# Mahathir **tak campur** **tangan** kerja polis

Sinar Harian - 26/5/2016

**SHAH ALAM** - Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor mengakui beliau berasa senang bekerja dengan Tun Dr Mahathir Mohamad sepanjang pentadbiran bekas Perdana Menteri itu.

Menurut beliau, ini kerana Mahathir yang ketika itu turut memegang jawatan Menteri Dalam Negeri tidak campur tangan dalam urusan polis.

"Saya berdamping rapat atau berinteraksi terus, cukup rapat dengan bos saya, Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Mahathir) dalam tempoh 10 tahun. Saya berasa senang, tidak diganggu gugat, tiada campur tangan.

"Maknanya, dia (Mahathir) faham apa yang saya cuba nak ketengahkan demi keperluan negara dari segi keselamatan, ketenteraman awam khusus dalam lingkungan tugas polis," katanya.

Menurut Rahim, 'kebebasan' diberikan Mahathir



(Dari kiri) Moderator, Nazri Kahar; bekas Speaker Dewan Negara, Tan Sri Adam Kadir; Rahim, Timbalan Pengerusi Karangkraf, Muhammad Nasir Hamzah; bekas Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Airlines, Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman dan Ketua Pengarang Sinar Harian, Norden Mohamed bergambar bersama selepas wacana di Auditorium Karangkraf, semalam.

termasuklah ketika penangkapan beramai-ramai dalam Operasi Lalang serta usul agar saki baki kumpulan komunis dihapuskan.

"Saya sebutkan dari segi kerugian-kerugian pembabitan wang rakyat untuk menghapuskan saki baki komunis ini. Jadi saya yakinkan beliau (Mahathir) inilah langkah (se-

wajarnya). Ini bukan isu politik. Saya tiada *personal interest*, cuma untuk kemakmuran negara. Saya sangat profesional," katanya.

Menjawab soalan penonton sama ada wujud campur tangan ahli politik dalam tugas polis, Rahim berkata, perkara itu tidak berlaku sepanjang pengalamannya dalam per-

khidmatan pasukan itu.

"Saya rasa kalau ada pun unsur atau tohmahan tentang pembabitan orang politik, saya mungkin salah, hanya dalam kes (Datuk Seri) Anwar (Ibrahim) kerana impak kes itu sangat besar. Pada umumnya kerja-kerja polis ini untuk membanteras jenayah," katanya.